

**KEBOLEHTERJEMAHAN ASPEK-ASPEK
BUDAYA DALAM TERJEMAHAN
“SHUI HU ZHUAN”**

GOH SANG SEONG

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2007**

**KEBOLEHTERJEMAHAN ASPEK-ASPEK
BUDAYA DALAM TERJEMAHAN
“SHUI HU ZHUAN”**

oleh

GOH SANG SEONG

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Falsafah**

Julai 2007

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia Utama saya, Profesor Mashudi Kader yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya sehingga berjaya menghasilkan tesis ini. Beliau bukan setakat bertindak sebagai seorang penyelia yang profesional, malahan turut berperanan sebagai seorang kaunselor yang tidak pernah mengenal erti jemu dengan banyak memberikan dorongan, motivasi serta semangat kepada saya sepanjang kajian tesis ini.

Jutaan terima kasih juga disampaikan kepada Penyelia Bersama I, Dr.Rokiah Awang yang banyak memberikan dorongan dan semangat kepada saya. Begitu juga jutaan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Peh Kok Khiang, selaku Penyelia Bersama II saya yang banyak memberikan tunjuk ajar terutamanya dalam bahagian bahasa Mandarin tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang telah bermurah hati menawarkan Hadiah Basiswa Pembantu Siszawah (Pengajaran) bagi sidang akademik 2004/05 dan 2005/06 yang kemudiannya diteruskan dengan Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) bagi sesi 2006/07 kepada saya.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
GLOSARI	xi
SINGKATAN DAN SIMBOL	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 – PENDAHULUAN	
1.0 Latar Belakang dan Pernyataan Masalah	1
1.1 Tujuan Kajian	23
1.2 Persoalan Kajian	23
1.3 Kepentingan Kajian	24
1.4 Kerangka Teori	24
1.5 Kaedah Kajian	25
1.6 Organisasi Kajian	27
1.7 Bidang Kajian	27
1.8 Batasan Kajian	28
1.9 Definisi-Definisi	28
BAB 2 - TINJAUAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORI	
2.0 Pendahuluan	32
2.1 Kebolehterjemahan	32
2.2 Budaya	39
2.3 Budaya dan Bahasa	44
2.4 Budaya, Penterjemahan dan Kebolehterjemahan	47
2.5 Penterjemahan Teks Kesusasteraan	61
2.6 Terjemahan <i>Domesticating</i> dan Terjemahan <i>Foreignizing</i> Venuti (1995)	63
2.7 Analisis Komponen Makna Katz & Fodor (1963), Nida(1975) dan Jackson(1988)	64
2.8 Teori Kempson (1977) dan Teori Chiechia dan McConnell-Ginet (1990)	65
2.9 Pandangan Cerminan Linguistik Fishman (1972)	69
2.9 Konteks Situasi Gabungan Malinowski (2000) dan Firth (dalam Palmer, 1989)	69
2.11 Teori Semiotik Jakobson (1959, dalam Bassnett, 1980)	72
2.12 Teori Skopos Vermeer (2000)	75
2.13 Analisis Teks Berorientasikan Terjemahan Nord (1988/91, dalam Munday, 2001)	77
2.14 Rumusan	80

BAB 3 - KEBOLEHTERJEMAHAN ASPEK-ASPEK BUDAYA BAHASA MANDARIN – BAHASA MELAYU

3.0	Pendahuluan	83
3.1	Kebilehterjemahan Budaya Ekologi	85
3.1.1	Terjemahan <i>Domesticating</i>	86
3.1.2	Terjemahan <i>Foreignizing</i>	97
3.1.3	Terjemahan Kosong	101
3.1.4	Pemerhatian ke atas Kebolehterjemahan Budaya Ekologi	102
3.2	Kebilehterjemahan Budaya Material	109
3.2.1	Terjemahan <i>Domesticating</i>	109
3.2.2	Terjemahan <i>Foreignizing</i>	123
3.2.3	Terjemahan Kosong	130
3.2.4	Pemerhatian ke atas Kebolehterjemahan Budaya Material	131
3.3	Kebilehterjemahan Budaya Sosial	139
3.3.1	Terjemahan <i>domesticating</i>	139
3.3.2	Terjemahan <i>Foreignizing</i>	151
3.3.3	Terjemahan Kosong	153
3.3.4	Pemerhatian ke atas Kebolehterjemahan Budaya Sosial	154
3.4	Kebilehterjemahan Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep	160
3.4.1	Terjemahan <i>domesticating</i>	160
3.4.2	Terjemahan <i>Foreignizing</i>	173
3.4.3	Terjemahan Kosong	175
3.4.4	Pemerhatian ke atas Kebolehterjemahan Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur dan Konsep	177
3.5	Kebilehterjemahan Budaya Isyarat dan Amalan	187
3.5.1	Masukan leksikal kata kerja teks sumber: AGEN-Matlamat- Objek dan masukan leksikal kata padanan: AGEN-Matlamat- Objek	188
3.5.2	Masukan leksikal kata kerja teks sumber: AGEN-Objek dan masukan leksikal kata padanan: AGEN-Objek	193
3.5.3	Masukan leksikal kata kerja teks sumber: Matlamat-Objek dan masukan leksikal kata padanan: Matlamat-Objek	196
3.5.4	Masukan leksikal kata kerja teks sumber: AGEN dan masukan leksikal kata padanan: AGEN	199
3.5.5	Masukan leksikal kata kerja teks sumber: AGEN-Eksperienser dan masukan leksikal kata padanan: AGEN-Eksperienser	202
3.5.6	Masukan leksikal kata kerja teks sumber: AGEN-Objek dan masukan leksikal kata padanan: AGEN	205
3.5.7	Kata kerja teks sumber diterjemahkan menjadi kata nama teks sasaran	208
3.5.8	Pemerhatian ke atas Kebolehterjemahan Budaya Gerak Isyarat dan Amalan	211
3.6	Kesimpulan	219

BAB 4 - STRATEGI PENTERJEMAHAN ASPEK-ASPEK BUDAYA BAHASA MANDARIN – BAHASA MELAYU

4.0 Pengenalan	223
4.1 Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Ekologi	227
4.2.1 Pemerhatian daripada Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Ekologi	239
4.2 Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Material	241
4.2.1 Pemerhatian daripada Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Material	254
4.3 Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Sosial	256
4.3.1 Pemerhatian daripada Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Sosial	269
4.4 Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur dan Konsep	271
4.4.1 Pemerhatian daripada Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur dan Konsep	287
4.5 Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Gerak Isyarat dan Amalan	290
4.5.1 Pemerhatian daripada Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Gerak Isyarat dan Amalan	302
4.6 Kesamaan dan Perbezaan	304
4.7 Kesimpulan	306

BAB 5 - PERBANDINGAN KEBOLEHTERJEMAHAN

5.0 Pengenalan	310
5.1 Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Ekologi	312
5.2 Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Material	321
5.3 Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Sosial	329
5.4 Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep	335
5.5 Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Gerak Isyarat dan Amalan	343
5.6 Perbandingan Tiga Penjuru; Pengkaji, Penilai Kedua dan Penterjemah	348
5.7 Kesimpulan	350

BAB 6 - PENUTUP

6.0 Pengenalan	355
6.1 Kebolehterjemahan Aspek-aspek Budaya Bahasa Mandarin-Bahasa Melayu	356
6.2 Strategi Penterjemahan Aspek-aspek Budaya Bahasa Mandarin –Bahasa Melayu	359
6.3 Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya dalam Terjemahan BMn-BM	361
6.4 Implikasi Teori, Hala Tuju Terjemahan Aspek Budaya dan Sumbangan	362

6.5 Kajian akan Datang	367
BIBLIOGRAFI	368
LAMPIRAN I	
LAMPIRAN II	
LAMPIRAN III	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 Data Pengklasifikasian Aspek Budaya (Berdasarkan Newmark, 1988:95)	84
Jadual 3.2 Kebolehterjemahan Budaya Ekologi	103
Jadual 3.3 Kebolehterjemahan Budaya Material	132
Jadual 3.4 Kebolehterjemahan Budaya Sosial	154
Jadual 3.5 Kebolehterjemahan Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur dan Konsep	178
Jadual 3.6 Kebolehterjemahan Budaya Gerak Isyarat dan Amalan	211
Jadual 4.1 Taburan Strategi Penterjemahan Aspek-Aspek Budaya dalam Terjemahan BMn-BM	305
Jadual 5.1 Bandingan antara Dapatan Kajian Pengkaji dan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Ekologi	313
Jadual 5.2 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Ekologi yang Boleh Terjemah	317
Jadual 5.3 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Ekologi yang Tak Boleh Terjemah	320
Jadual 5.4 Bandingan antara Dapatan Kajian Pengkaji dan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Material	321
Jadual 5.5 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Material yang Boleh Terjemah	324
Jadual 5.6 Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Material yang Tak Boleh Terjemah	328

Jadual 5.7	Bandingan antara Dapatan Kajian Pengkaji dan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Sosial	329
Jadual 5.8	Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Sosial yang Boleh Terjemah	333
Jadual 5.9	Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Sosial yang Tak Boleh Terjemah	334
Jadual 5.10	Bandingan antara Dapatan Kajian Pengkaji dan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep	335
Jadual 5.11	Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep yang Boleh Terjemah	340
Jadual 5.12	Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep yang Tak Boleh Terjemah	342
Jadual 5.13	Bandingan antara Dapatan Kajian Pengkaji dan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Budaya Gerak Isyarat dan Amalan	343
Jadual 5.14	Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Gerak Isyarat dan Amalan yang Boleh Terjemah	346
Jadual 5.15	Alasan Penilai Kedua tentang Budaya Gerak Isyarat dan Amalan yang Tak Boleh Terjemah	348
Jadual 5.16	Pandangan Penterjemah Secara Tidak Langsung: Taburan Kebolehterjemahan Setiap Kategori Aspek Budaya dalam Terjemahan BMn-BM	349
Jadual 5.17	Perbandingan di antara Dapatan Kajian Pengkaji, Pandangan Penilai Kedua dengan Penterjemah (Secara Tidak Langsung) tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya BMn-BM	350
Jadual 5.18	Alasan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya BMn-BM	353

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.0	Isomof (Dipetik daripada Liu Mi Qing, 1999:100) (Terjemahan saya)	14
Rajah 3.1	Paksi Kebolehterjemahan Budaya BMn-BM	221
Rajah 4.1	Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Ekologi	241
Rajah 4.2	Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Material BMn-BM	256
Rajah 4.3	Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Sosial BMn-BM	270
Rajah 4.4	Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur dan Konsep	289
Rajah 4.5	Strategi Penterjemahan Aspek Budaya Gerak Isyarat dan Amalan BMn-BM	304
Rajah 4.6	Pergerakan Strategi Penterjemahan Aspek-Aspek Budaya dalam Terjemahan BMn-BM	308/360
Rajah 5.1	Perbandingan antara Dapatan Pengkaji dan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Ekologi	316
Rajah 5.2	Perbandingan antara Dapatan Kajian Pengkaji dan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Material	324
Rajah 5.3	Perbandingan antara Dapatan Kajian Pengkaji dan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Sosial	332
Rajah 5.4	Perbandingan antara Dapatan Kajian Pengkaji dan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur, Konsep	339
Rajah 5.5	Perbandingan antara Dapatan Kajian Pengkaji dan Pandangan Penilai Kedua tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya Gerak Isyarat dan Amalan	346

Rajah 5.6 Perbandingan di antara Dapatan Kajian Pengkaji, Pandangan Penilai Kedua dengan Penterjemah (Secara Tidak Langsung) tentang Kebolehterjemahan Aspek Budaya BMn-BM 351

GLOSARI

agen	<i>agent</i>
bahasa sasaran	<i>target language</i>
bahasa sumber	<i>source language</i>
bentuk	<i>form</i>
deskriptif	<i>descriptive</i>
dwidimensi	<i>bidimensional</i>
ekspirienser	<i>experiencer</i>
fitur makna	<i>meaning (semantic) feature</i>
fungsi	<i>function</i>
glos	<i>gloss</i>
kata pinjaman	<i>loan word</i>
komponen makna	<i>meaning component</i>
konteks	<i>context</i>
kuplet	<i>couplet</i>
makna	<i>meaning</i>
makna konotasi	<i>connotation meaning</i>
masukan leksikal	<i>lexical entry</i>
mesej	<i>message</i>
nota kaki	<i>footnote</i>
notasi	<i>notation</i>
padanan fungsian	<i>functional equivalent</i>
padanan sejadi	<i>natural equivalent</i>

pandangan dunia	<i>world view (weltanschauung)</i>
pembaca sasaran	<i>target reader</i>
penterjemahan	<i>a process of translation</i>
pinjam terjemah	<i>borrow and translate</i>
sasaran	<i>target</i>
semantik	<i>semantics</i>
sifat	<i>nature</i>
sinonim	<i>synonym</i>
sintaksis	<i>syntax</i>
tambahan	<i>addition</i>
teks	<i>text</i>
teks sasaran	<i>target text</i>
teks sumber	<i>source text</i>
terjemahan	<i>translation (output)</i>
terjemahan kurang	<i>under translation</i>
terjemahan lebih	<i>over translation</i>
terjemahan literal	<i>literal translation</i>
terjemahan salah	<i>inaccurate translation</i>
terjemahan tepat	<i>accurate translation</i>
transliterasi	<i>transliteration</i>
triplet	<i>triplet</i>

SINGKATAN DAN SIMBOL

BMn Bahasa Mandarin

BM Bahasa Melayu

SL Bahasa Sumber

TL Bahasa Sasaran

ST Teks Sumber

TT Teks Sasaran

\exists = lambang lojik bagi menyatakan 'hadir, ada' = 'there is'

x, y, z = lambang x, y, z ialah angkuabah atau argumen, iaitu kata nama (+N) yang berfungsi sebagai subjek, objek (langsung), matlamat atau z (objek oblik)

\underline{x} = argumen yang berfungsi sebagai +N subjek; ia ditandai x bergaris di bawahnya, \underline{x} yang berfungsi subjek

$+k(\underline{x}, y)$ = Agen(\underline{x}) yang berfungsi subjek berbuat sesuatu(+k) kepada y ; misalnya (\underline{x}) memukul(+k) tikus(y)

$+k(\underline{x}, y)z$ = Agen(\underline{x}) memberi(+k) z (objek) kepada y (matlamat)

$\exists \underline{x}, y, z$ = Ada argumen \underline{x} sebagai subjek, argumen y sebagai matlamat dan z sebagai objek

$k(\underline{x}(\text{AGEN}))$ = \underline{x} ialah argumen agen (subjek) berbuat (k); misalnya Ali (\underline{x}) makan (k)

$K(\underline{x}(\text{AGEN}), y(\text{PATIEN}))$ = \underline{x} ialah argumen agen (subjek) berbuat (k) sesuatu y (PATIEN)

$k(\underline{x}(\text{AGEN}), y(\text{PATIEN}), z(\text{MATLAMAT}))$ = \underline{x} ialah (argumen agen) berbuat (k) sesuatu y argumen (PATIEN) kepada z argumen (MATLAMAT)

KEBOLEHTERJEMAHAN ASPEK-ASPEK BUDAYA DALAM TERJEMAHAN “SHUI HU ZHUAN”

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji kebolehterjemahan dalam penterjemahan aspek-aspek budaya bahasa Mandarin (BMn) kepada bahasa Melayu (BM). Seratus butiran (kata, frasa, klausa dan ayat) pelbagai aspek budaya dalam 水湖传 *Shui Hu Zhuan* atau terjemahannya *Hikayat Pinggir Air*, terjemahan Lim Chuan Boon, ed. (2001) telah dijadikan data kajian. Tujuannya adalah untuk meneliti kebolehterjemahan aspek-aspek budaya, meneliti strategi-strategi penterjemahannya serta membandingkan kebolehterjemahan daripada tiga sudut: pengkaji, penilai kedua dan penterjemah. Kajian ini memanfaatkan satu himpunan teori secara komposit. Teori-teori berkenaan telah dikenal pasti secara eklektik daripada teori penterjemahan, teori semantik dan teori sociolinguistik. Kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah perbandingan, menganalisis butiran budaya berdasarkan teori-teori penterjemahan, teori semantik dan teori sociolinguistik. Perbandingan juga dilakukan untuk meneliti strategi-strategi penterjemahan serta pandangan kebolehterjemahan tiga penjurua dalam perangkaan mudah: iaitu antara pengkaji, penilai kedua dan penterjemah. Didapati tidak ada mana-mana subkategori budaya BMn yang menonjol dan lebih bersifat boleh terjemah dalam BM. Aspek-aspek budaya dalam terjemahan BMn-BM adalah lebih cenderung bersifat tak boleh terjemah disebabkan ketidakwujudan bentuk atau fungsi aspek budaya BMn dalam latar sociolinguistik BM. Jadi, keadaan ini telah menghasilkan pelbagai peringkat terjemahan seperti terjemahan lebih,

terjemahan kurang, terjemahan salah dan terjemahan kosong. Aspek-aspek budaya BMn yang wujud dalam latar sociolinguistik BM atau yang mempunyai kepadanan sinonim dalam BM pula cenderung bersifat boleh terjemah. Juga didapati bahawa tidak ada mana-mana satu strategi penterjemahan yang boleh dikatakan lebih sesuai untuk menangani masalah-masalah kebolehterjemahan. Strategi penterjemahan aspek budaya BMn-BM adalah pelbagai. Penggunaannya bergantung pada kewujudan bentuk dan fungsi sejadinya dalam bahasa sasaran. Bentuk dan fungsi aspek budaya BMn yang kepadanannya wujud dalam BM cenderung ditangani dengan penterjemahan literal dan melalui penggunaan sinonim. Sebaliknya, bentuk dan fungsi aspek budaya BMn yang tidak wujud dalam latar sociolinguistik BM cenderung diterjemahkan melalui strategi deskriptif, strategi padanan fungsian, strategi pinjam-terjemah, tambahan kata-kata, kata pinjaman, transliterasi, tambahan nota kaki dan mana-mana gabungan dua (kuplet) atau tiga (triplet) strategi ini serentak. Didapati bahawa pandangan pengkaji secara relatif agak berbeza dengan pandangan penilai kedua dan pandangan penterjemah yang diperoleh secara tidak langsung. Kelainan pandangan tersebut disebabkan terutamanya oleh perbezaan fahaman tentang persepsi kebolehterjemahan. Selain mempunyai impak tertentu terhadap beberapa teori penterjemahan, kajian ini turut mendapati penterjemahan aspek-aspek budaya sebenarnya bersifat dwidimensi dan bukannya hanya bersifat aktiviti-aktiviti linear. Juga pada amnya penterjemahan aspek-aspek budaya memerlukan penggunaan cantuman beberapa teori penterjemahan yang berkaitan dengan pemindahan maklumat, serta analisis semantik dan sociolinguistik.

THE TRANSLATABILITY OF CULTURAL ASPECTS IN THE TRANSLATION OF “SHUI HU ZHUAN”

ABSTRACT

This thesis studies the translatability of cultural aspects in the translation of Mandarin into Malay. One hundred items (words, phrases, clauses and sentences) of cultural aspects in the 水湖传 *Shui Hu Zhuan* or *Hikayat Pinggir Air*, translated by Lim Chuan Boon, ed. (2001) serve as the research data. The objectives of this study are to examine the translatability of cultural aspects, scrutinize the translating strategies and compare the perception of translatability from three views: the researcher, the second-raters and the translators. This study utilizes a number of theories compositely. They have been identified eclectically from translation theories, semantic theories and a sociolinguistic theory. This is a qualitative study which utilizes a method of comparison, analyses the cultural aspects based on translation theories, and semantic and sociolinguistic theories. A comparison has also been carried out to examine the translating strategies and the views of translatability from three different perspectives: the researcher, the second-rater and the translators by using generic statistics methods. This study shows that no subcategories of Mandarin culture have a more significant degree of translatability compared to another. The cultural aspects are likely to be as untranslatable due to the non-existence of forms and functions of the Mandarin cultures in the Malay sociolinguistic settings. Therefore, it causes a variety of translations such as over translation, under translation, incorrect translation and zero translation. The cultural aspects of

Mandarin, which exist in the Malay sociolinguistic settings or those, that have corresponding synonyms in Malay are likely to be translatable. This study also identifies that there is no translation strategy that can be considered as more effective than other strategies in mitigating the translatability problems. The translation strategies of Mandarin-Malay cultural aspects are various. The utilization depends on the existence of the corresponding forms and functions in the target language. Those cultural aspects of Mandarin which correspondingly exists in its forms and functions in Malay tend to be translated by literal translation and *via* the use of synonyms. On the other hand, the cultural aspects of Mandarin which have no correspondence in Malay sociolinguistic settings have been observed to be more frequently translated using descriptive strategy, functional-equivalent strategy, borrow-and-translate strategy, employing word additions, load words, transliteration, addition of foot notes and any combination of these two (in couplet) or three (in triplets) strategies simultaneously. It is found that the researcher's views are relatively different from the views of the second rater and the translators' views, which the latter have been collected circuitously. The variations are mainly attributable to the dissimilarity of the perception of translatability. Aside from having a certain impact on a number of theories of translation, the study notes that translation activities on cultural items are bidimensional in nature rather than mere linear activities. Also translating cultural elements generally requires the employment of a combination of translation theories which are related to the message shifting, semantic and sociolinguistic analyses.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang dan Pernyataan Masalah

Menurut kajian yang telah dibuat oleh Lombard-Salmon (1977) dan Yang Quee Yee (2001), penterjemahan daripada BMn kepada BM di Malaysia dikatakan bermula sejak tahun 1889. Kerja-kerja menterjemah yang dilakukan pada zaman itu dimulakan oleh kumpulan warga China yang berhijrah ke Tanah Melayu¹ dan yang kemudiannya berkahwin dengan gadis tempatan. Tegasnya lagi, kumpulan penghijrah ini kemudiannya dikenali sebagai Baba atau Peranakan. Mengikut Lombard-Salmon (1977), perkataan Baba berkemungkinan berasal daripada bahasa Turki, manakala peranakan berasal daripada kata BM 'anak' dan sama maksud dengan ' *creole*'. Terjemahan yang dihasilkan oleh kumpulan ini menggunakan bahasa Melayu (BM) Peranakan atau lebih dikenali sebagai BM Pasar.

Kajian yang dijalankan oleh Yang Quee Yee (2001) menunjukkan bahawa dalam tempoh tahun 1889- 1950, sebanyak tujuh puluh sembilan (79) buah terjemahan telah dihasilkan. Kebanyakan terjemahan yang dihasilkan merupakan fiksyen popular Cina yang bertemakan sejarah, percintaan, fantasi dan pertarungan pedang seperti 三国故事荟萃 *San Guo Gu Shi Hui Cui* (石瑞隆 Shi Rui Long, 1889), 水浒 *Shui Hu* (曾锦文 Chan Kim Boon @ Batu Gantong, 1899), 梅花小姐 *Mei Hua Xiao Jie* (袁文成 Yuan Wen Cheng, 1933).² Sepanjang tempoh ini, kerja-kerja menterjemah dikatakan tidak pernah berhenti kecuali menjelang zaman peperangan dunia kedua pada tahun 40-an. Menurut

Teo Lay Teen (1983), minat kaum Baba terhadap kesusasteraan Cina telah menjadi pendorong utama dalam penghasilan terjemahan ini. Usaha Peranakan Cina Indonesia dalam menterjemahkan karya BMn ke dalam BM turut menggalakkan kaum Baba di Singapura dan Malaya untuk berkecimpung dalam penterjemahan. Selain itu, tambah Teo (1983) lagi, pengaruh opera Cina dan penglipulara yang membawa kepada permintaan bahan bacaan tidak kurang menyumbang kepada kerja-kerja menterjemah. Teo (1983) menyimpulkan bahawa usaha-usaha menterjemah pada zaman ini telah menjadi asas yang kukuh dalam perkembangan penterjemahan BMn- BM di Malaysia.

Menurut Yang Quee Yee (2001), kerja-kerja menterjemah daripada BMn kepada BM mula berhenti dalam tahun 50-an. Selain faktor masa, teks terjemahan yang dipilih juga merupakan punca yang tidak kurang pentingnya dalam menyumbang kepada terhentinya penterjemahan tersebut. Kebanyakan teks terjemahan yang dipilih merupakan teks kesusasteraan klasik Cina yang bukan mudah difahami oleh golongan pembaca yang kurang berpengetahuan tentang kesusasteraan Cina dan sejarah China. Lebih-lebih lagi teks-teks tersebut diterjemahkan ke dalam BM yang pada masa itu masih belum dikuasai sepenuhnya oleh pembaca sasaran, yakni kaum Baba. Dalam kajian Tan Chee Beng (1979) pula, beliau berpendapat bahawa terhentinya kegiatan menterjemah daripada BMn kepada BM pada pertengahan tahun 50-an berpunca daripada kekurangan kewangan bagi penerbitan suratkhbar dan majalah, yang menjadi nadi utama dalam penyiaran hasil terjemahan. Selain itu, tegasnya generasi baru yang mula menerima pendidikan bahasa Inggeris

dalam pertengahan abad ke-20 beranggapan bahawa tidak ada manfaat meneruskan penerbitan terjemahan BMn-BM.

Selain hasil terjemahan yang diterbitkan dalam bentuk buku cetak, terdapat juga beberapa suratkhbar BM tempatan yang diterbitkan dalam tempoh tahun 1894-1935 turut menyiarkan terjemahan-terjemahan daripada BMn. Akhbar-akhbar itu adalah seperti berikut:

- a. *Surat Khabar Peranakan* yang mula diterbitkan pada tahun 1894 dalam dwibahasa, yakni BM dan bahasa Inggeris;
- b. *Bintang Timor* yang mula diterbitkan pada tahun 1894 dalam BM;
- c. *Malaysia Advocate* yang mula diterbitkan pada tahun 1910 dalam BM;
- d. *Kabar Slalu* yang mula diterbitkan pada tahun 1924 dalam BM;
- e. *Bintang Pranakan* yang mula diterbitkan pada tahun 1930 dalam BM;
- f. *Sri Pranakan* yang mula diterbitkan pada tahun 1932 dalam BM;
- g. *Story Teller* yang mula diterbitkan pada tahun 1934 dalam BM.³

Menurut Tan Chee Beng (1979), terjemahan cerita-cerita Cina dalam akhbar-akhbar di atas merupakan salah satu daya tarikan pembaca akhbar tersebut. Menurut Yang Gui Yi (1987a) pula, walaupun tempoh masa penerbitan akhbar-akhbar ini tidak lama, namun ia telah memainkan peranan yang penting dalam sejarah perkembangan penterjemahan BMn-BM di Malaysia.

Menurut Yang Gui Yi (1987a), aktiviti penterjemahan BMn-BM kembali bergiat semula selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Penerbitan dua buah majalah BM, iaitu 'Mimbar Universiti' (1958-1963) dan 'Budaya'(1959-1962) oleh Majlis Pelajar-Pelajar Universiti Nanyang(南大 *Nan Da*) telah membuka lembaran baru dalam dunia penterjemahan BMn-BM. Majalah 'Kesusasteraan

Nanyang' yang diterbitkan pada tahun 1959-1960 dalam dwibahasa, yakni bahasa Inggeris dan BM oleh pelajar-pelajar Fakulti Bahasa Moden Universiti Nanyang juga ada menerbitkan terjemahan BMn-BM.

Menurut Yang Gui Yi (1987a) lagi, bermula tahun 60-an, oleh sebab pendidikan bahasa Inggeris dan BM yang semakin popular dalam kalangan orang Cina, maka mutu terjemahan yang dihasilkan turut meningkat. Ditegaskan juga bahawa kebanyakan terjemahan yang dihasilkan sebelum tahun 70-an lebih tertumpu pada bahan kesusasteraan dari negara China, dan keadaan ini mula berubah sejak penghujung tahun 60-an dan awal tahun 70-an. Menurutnya lagi, karya kesusasteraan oleh orang Cina tempatan mula diterjemahkan ke dalam BM.

Kajian Zhuang Hua Xing (2001) menunjukkan bahawa bermula tahun 60-an, kerja-kerja menterjemah daripada BMn kepada BM telah beralih tangan dan diusahakan oleh kumpulan orang Cina yang dilahirkan di Malaysia. Tegasnya, kumpulan penterjemah ini menerima pendidikan BMn dan BM. Dalam kajian Zhuang (2001), beliau telah menyenaraikan sebanyak empat puluh dua (42) buah teks terjemahan BMn-BM yang berjaya dihasilkan dalam tempoh tahun 1961-2001. Daripada jumlah itu, sebanyak lima puluh tujuh persepuluh satu peratus (57.1%) merupakan karya dari negara China, manakala yang selebihnya, empat puluh dua persepuluh sembilan peratus (42.9%) merupakan karya Mahua, iaitu karya yang dihasilkan oleh penulis-penulis orang Cina Malaysia. Jenis terjemahan yang dihasilkan dalam tempoh masa ini lebih bersifat kepelbagaian jika dibandingkan dengan terjemahan-terjemahan dalam tempoh tahun 1889-1950. Terjemahan-terjemahan tersebut merangkumi kesusasteraan klasik, hikayat, mitos, puisi, novel dan cerpen.

Sejarah perkembangan penterjemahan BMn-BM di Malaysia mula memasuki satu era yang lebih teratur dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Penyelaras Penterjemahan Kesusasteraan Berbilang Kaum oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1983. Jawatankuasa ini diperluas menjadi Majlis Penulis Pelbagai Kaum.⁴ Di bawah naungan majlis ini, sehingga tahun 2001, DBP telah berjaya menghasilkan lapan (8) buah terjemahan BMn-BM.⁵ Pada tahun 1986, Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF) telah ditubuhkan oleh sekumpulan pencinta bahasa. Persatuan ini telah banyak kali bekerjasama dengan DBP dalam penghasilan terjemahan BMn-BM (Yang Gui Yi, 1987a).

Daripada tinjauan sejarah perkembangan penterjemahan BMn-BM di Malaysia, dapat disimpulkan bahawa dalam tempoh seratus tiga belas (113) tahun, yakni antara tahun 1889-2001, hanya sebanyak seratus dua puluh satu (121) buah terjemahan yang diterbitkan. Sesungguhnya jumlah ini adalah kecil terutamanya dalam usaha memupuk persefahaman bahasa dan budaya antara pengamal BMn dan pengamal BM di Malaysia. Oleh itu, pemilihan bidang kajian pengkaji tertumpu pada penterjemahan BMn-BM.

Sepanjang tinjauan pengkaji ke atas kajian-kajian ilmiah tentang penterjemahan BMn-BM, didapati hanya ada sebilangan kecil kajian sahaja yang telah dijalankan Lombard-Salmon (1977) telah menjalankan kajian tentang sejarah perkembangan penterjemahan BMn-BM dari 1889 hingga 1950. Kajian beliau lebih memfokus pada penyusunan senarai penerbitan terjemahan dalam tempoh tersebut serta membincangkan tokoh-tokoh penterjemah yang telah banyak menyumbang kepada penghasilan terjemahan BMn-BM dalam zaman tersebut.

Teo Lay Teen (1980) pula telah menjalankan kajian ke atas sebuah terjemahan BM daripada fiksiyen Cina yang berjudul '*Khian Leong Koon Yew Kang Lam*'. Kajian ini lebih menumpukan perhatian pada ciri-ciri dan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam penterjemahan fiksiyen tersebut. Kajian ini mendapati terjemahan yang dihasilkan itu merupakan terjemahan bebas dan bukannya kata demi kata. Hal ini demikian kerana tujuan terjemahan itu adalah untuk pembacaan bagi mengisi masa lapang. Oleh itu, pembaca sasaran tidak akan mengambil tahu tentang nilai kesusasteraan teks asal.

Tan Chee Beng (1979, 1981) telah menjalankan kajian ke atas identiti etnik peranakan Cina di Melaka dan juga hasil terbitan BM oleh kumpulan Baba. Walaupun kajian ini tertumpu pada hal-hal orang Baba, namun kajian ini ada menyentuh sedikit sebanyak tentang sejarah permulaan penterjemahan BMn-BM. Di samping itu, kajian yang dijalankan pada tahun 1981 itu telah berjaya menyusun senarai judul terjemahan BMn-BM dalam tempoh tahun 1889-1950.

Tengku Sepora Tengku Mahadi (1997) pula telah membuat kajian yang berkaitan dengan kepentingan faktor budaya dan faktor ekstralinguistik dalam terjemahan teks undang-undang daripada bahasa Inggeris kepada BM. Kajian beliau menunjukkan bahawa terjemahan teks undang-undang perlu dilihat sebagai terjemahan budaya. Walaupun sistem perundangan Malaysia berasaskan sistem perundangan *Common Law*, namun sistem perundangan Malaysia masih menerima pengaruh adat tempatan dan undang-undang Islam. Oleh itu, istilah-istilah seperti *assault and battery*, *send and deliver*, *acquit and release* dan *interest* mengalami masalah padanan dalam terjemahan teks sasaran. Istilah-istilah yang bersifat budaya seperti *Queen's Bench*, *common*

pleas, Exchequer, House of Commons dan *House of Lords* menyukarkan penterjemahan.

Abdul-Wahid Lu'Lu'A (1999) yang telah menjalankan kajian ke atas penterjemahan teks agama yang menfokus pada beberapa banyak masalah penterjemahan telah menunjukkan bahawa masalah budaya dalam teks sumber sememangnya kritikal dalam penterjemahan teks agama. Beliau telah mengemukakan beberapa contoh kata budaya atau *aqidah* dalam bahasa Arab seperti *salat, haji, zakat, sadaqa*, dan *abd* yang tidak seharusnya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Sepatutnya, kata-kata yang mendukung makna khusus dalam agama Islam itu sepatutnya ditransliterasikan serta diberikan penerangannya pada bahagian pengenalan teks sasaran.

Syed Nurul Akla B. Syed Abdullah (1999) yang menjalankan kajian ke atas faktor leksiko-budaya dalam penterjemahan karya Rihlah Ibn Battutah telah menunjukkan bahawa dalam penterjemahan teks klasik daripada bahasa Arab kepada BM, seseorang penterjemah itu perlu memahami dengan mendalam tentang perbendaharaan kata atau lexis sesuatu bahasa yang tidak dapat dipisahkan sama sekali dengan budaya bahasa sumbernya. Menurut kajian ini, kata-kata yang mengandungi unsur budaya seperti perayaan, iklim atau cuaca, warna dan jenis pokok lazimnya menemui masalah dalam penterjemahan dan memerlukan penelitian latar belakang budaya bahasa sumber.

Intan Safinaz Zainuddin (2001) pula telah menjalankan kajian ke atas penterjemahan unsur sosiobudaya dalam terjemahan novel Inggeris-Melayu. Kajian beliau cuba mengenal pasti pelbagai unsur sosiobudaya dalam terjemahan novel Inggeris-Melayu. Unsur sosiobudaya yang dikenal pasti itu

telah dikategorikan kepada ekologi, bahan-bahan artifak, budaya sosial, organisasi dan budaya, perlakuan dan gerak laku, lawak jenaka, mainan kata dan frasa idiomatik. Kajian ini mengesyorkan faktor-faktor yang perlu diambil kira untuk terjemahan unsur sosiobudaya Inggeris-Melayu yang khusus, yakni adakah unsur sosiobudaya khusus-budaya itu penting dalam jalan cerita novel tersebut atau adakah unsur tersebut boleh sahaja digugurkan terus daripada terjemahan? Kajian ini turut mengesyorkan teori respons estetik yang menekankan peranan penterjemah sebagai pembaca teks sumber yang aktif dan kreatif dalam sesuatu kerja terjemahan sastera dalam menangani terjemahan unsur khusus-budaya Inggeris-Melayu.

Goh Sang Seong (2003) telah melakukan kajian yang lebih khusus terhadap penterjemahan BMn-BM. Kajian tersebut melihat keadaan pepadanan kata kerja, strategi-strategi penterjemahan kata kerja serta pengaruh latar belakang penterjemah terhadap pemilihan padanan dalam penterjemahan BMn-BM.

Daripada sorotan kajian lepas, disimpulkan seperti dalam (1) berikut:

- (1) a. Kajian ke atas penterjemahan BMn-BM sememangnya masih berkurangan;
- b. Kajian yang pernah dijalankan lebih tertumpu pada sejarah perkembangan penterjemahan BMn-BM;
- c. Kajian yang telah dijalankan lebih khusus tentang etnik Baba atau peranakan Cina;
- d. Kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa unsur budaya sememangnya menimbulkan masalah dalam penterjemahan;

- e. Walaupun ada kajian yang dijalankan ke atas penterjemahan unsur budaya, namun belum ada kajian yang dijalankan secara khusus ke atas kebolehterjemahan aspek-aspek budaya.

Berikut ialah contoh-contoh daripada teks sumber kajian yang dapat menunjukkan bahawa aspek-aspek budaya ada mengalami masalah kebolehterjemahan:

- (i) Teks sumber : ...备棺椁盛殓，请僧修设好事追斋理七，荐拔太公。又请道士建立斋醮，超度生天，整做了十数坛好事功果道场；选了吉日良时，出丧安葬。
Transliterasi : ...bei guan guo sheng lian, qing seng xiu she hao shi zhui zhai li qi, jian ba tai gong. You qing dao shi jian li zhai jiao, chao du sheng tian, zheng zhuo le shi shu tan hao shi gong guo dao zhang; xuan le ji ri liang shi, chu sang an zang.

Teks sumber menceritakan cara pengebumian jenazah seseorang mengikut adat orang Cina yang berpandukan ajaran agama Buddha dan Taoisme. Kepercayaan dan pantang larang yang diamalkan dalam proses pengemubian itu langsung tidak wujud dalam budaya orang Melayu dan sosiolinguistik BM. Oleh itu, timbulnya di sini masalah penterjemahan budaya.

- (ii) Teks sumber : 三十二里，五六尺，五更，三丈，半个时辰
Transliterasi : san shi er li, wu liu chi, wu geng, san zhang, ban ge shi chen

Teks sumber menceritakan pelbagai jenis unit ukuran yang digunakan dalam masyarakat orang Cina dahulu. Kesemua unit ukuran ini tidak diamalkan dalam budaya bahasa Melayu dan sosiolinguistik BM. Oleh itu, wujudnya masalah kebolehterjemahan di sini.

- (iii) Teks sumber : 五条龙向空中乱舞，正按着金、木、水、火，土五行，互生互克，搅做一团。
Transliterasi : wu tiao long xiang kong zhong luan wu, zheng an zhe jin, mu, shui, huo, tu wu xing, hu sheng hu ke, jiao zuo yi tuan.

Teks sumber mengisahkan taktik peperangan zaman silam di negara China yang berlandaskan teori lima elemen yang mula diperkenalkan pada zaman 战国 *Zhan Guo* (475-221B.C.). Konsep ini tidak wujud dalam pandangan dunia

(*weltanschauung*) Melayu dan sosiolinguistik BM. Oleh itu, masalah kebolehterjemahan juga wujud di sini.

Oleh yang demikian, pengkaji bercadang untuk membuat kajian yang lebih menjurus kepada amalan penterjemahan, yakni kebolehterjemahan aspek-aspek budaya dalam penterjemahan BMn-BM.

Menurut Guo Jianzhong (2001:1057):

*Masalah kebolehterjemahan merupakan isu utama dalam teori penterjemahan, dan juga memainkan peranan yang ketara dalam sains penterjemahan moden.*⁶ (Terjemahan saya)

Pandangan sarjana ini dijadikan justifikasi untuk pemilihan skop utama kajian, yakni kebolehterjemahan.

Menurut Baker (1998:273), konsep kebolehterjemahan dikatakan sebagai satu konsep operatif. Hal ini demikian kerana ia memainkan peranan yang penting dalam penentuan keputusan dan kaedah penterjemahan. Persoalan dan kriteria kebolehterjemahan berbeza-beza berdasarkan jenis bidang kajiannya. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa kajian kebolehterjemahan dapat dijalankan ke atas bahasa sumber atau bahasa sasaran, budaya, terjemahan bahan kesusasteraan, teks rujukan atau pragmatik.

Fan Zhong Ying (1994:198) menganggap kebolehterjemahan sebagai kemungkinan tahap penterjemahan daripada satu bahasa kepada satu bahasa lain, iaitu keadaan yang membolehkan penterjemahan dijalankan, dan keadaan yang memustahilkan penterjemahan dijalankan. Beberapa banyak kata dalam BMn yang mendukung unsur budaya orang Cina tidak wujud sama sekali dalam kebudayaan Melayu serta amalan sosiolinguistik penutur-penutur BM. Contohnya, 气功 *qi gong* 'sejenis latihan senaman', 阴 *yin* 'elemen bersifat

negatif dalam universal’, 阳 *yang* ‘elemen bersifat positif dalam universal’, 中山装 *zhong shan zhuang* ‘sejenis pakaian yang kiri kanan bajunya masing-masing mempunyai poket yang berbutang, manakala seluarnya merupakan seluar panjang jenis barat’, 粽子 *zong zi* ‘sejenis makanan yang dibuat daripada pulut yang dianyam dengan daun buluh; biasanya ia dimakan menjelang perayaan hari kelima bulan kelima dalam kalender Cina’, 纸钱 *zhi qian* ‘wang kertas replika yang dibakar dalam pemujaan roh’ dan 饺子 *jiao zi* ‘sejenis makanan berbentuk semi bulat yang diperbuat daripada tepung gandum dan berinti’. Kesemua kata yang tidak ada dalam budaya BM dan tidak terpakai dalam sociolinguistik BM ini mengalami masalah kebolehterjemahan. Sebaliknya, beberapa banyak kata budaya dalam BMn yang turut wujud dalam budaya BM, sama ada dari segi kesamaan bentuk atau pun kesamaan fungsinya dapat diterjemahkan tanpa sebarang kerumitan. Contohnya, 米 *mi* ‘beras’, 饭 *fan* ‘nasi’, 粥 *zhou* ‘bubur’ dan 糯米 *nuo mi* ‘pulut’.

Dengan itu, ternyata bahawa kebolehterjemahan budaya daripada teks sumber kepada teks sasaran sememangnya mengalami masalah, terutamanya teks sumber yang mendukung unsur-unsur budaya sesuatu bangsa atau kaum yang sosiobudayanya berbeza dengan sosiobudaya bangsa atau kaum yang mengamalkan bahasa teks sasaran. Oleh itu, pengkaji beranggapan bahawa masih ada ruang yang perlu diteliti dan dikaji dalam bidang kebolehterjemahan aspek-aspek budaya dalam terjemahan daripada BMn kepada BM.

Untuk itu, kajian ini akan merujuk kebolehterjemahan sebagai keupayaan makna leksikal/fizikal/bentuk dan makna fungsi unsur budaya (dalam bentuk

kata, frasa, klausa, ayat dan perenggan) yang diungkapkan dalam bahasa sumber diterjemahkan kepada bahasa sasaran.

Newmark (1983:11) mengatakan bahawa:

Setiap jenis makna dalam teks bahasa sumber dapat diterjemahkan secara langsung atau tidak langsung ke dalam bahasa sasaran, maka apa-apa sahaja dapat diterjemahkan.⁷ (Terjemahan saya)


Hipotesis Terjemahan Tepat (*The Exact Translation Hypothesis*) juga mendakwa bahawa perkara-perkara yang dapat dikatakan dalam suatu bahasa dapat diterjemahkan secara tepat ke dalam satu bahasa yang lain (Keenan, 1978:157).

Jin Hui Kang (2002:333) pula menyokong pendapat tersebut dengan mengatakan berikut:

...kesamaan ciri manusia dan kesamaan ciri bahasa telah membentuk kebolehterjemahan antara bahasa. Secara teorinya, maklumat yang diungkapkan dalam mana-mana bahasa dapat diterjemahkan ke dalam satu bahasa yang lain. Fenomena inilah yang menjadi rujukan kepada kebolehterjemahan.⁸
(Terjemahan saya)

Menurut Baker (1998), terdapat tiga cara kebolehterjemahan beroperasi; pertama, bagi golongan rationalis, makna atau idea bersifat sejagat. Tegasnya, makna dalam sesuatu bahasa dapat diterjemahkan ke dalam pernyataan khusus sesuatu bahasa lain. Menurutnya lagi dalam keadaan ini, hubungan antara fikiran dan percakapan adalah tidak rapat. Kedua, bagi golongan relatif, hubungan antara fikiran dan percakapan adalah rapat. Baginya, sesuatu terjemahan itu sama ada lebih setia pada teks asal dan mengabaikan cita rasa bahasa sasaran, atau lebih setia pada teks sasaran dan mengabaikan cita rasa bahasa sumber. Ketiga, walaupun setiap bahasa itu dilihat secara berasingan, namun penterjemahan antara teks yang berlainan bahasa tetap dapat dijalankan. Hal ini kerana makna dapat ditafsir dan difahami melalui bantuan pertimbangan waras atau amatan kita (Baker, 1998:273).

Kewujudan rangkaian pemindahan mesej (*channel for message transferring*) dalam hubungan bahasa telah memungkinan hal-hal yang diungkapkan dalam sesuatu bahasa dapat diungkapkan ke dalam bahasa lain. Rangkaian pemindahan mesej merupakan satu rangkaian yang wujud antara dua bahasa yang berlainan dengan membekalkan syarat-syarat serta kaedah-kaedah yang membenarkan pemindahan makna antara dua bahasa tersebut. Walaupun pengamal bahasa yang berlainan mempunyai persepsi yang berlainan terhadap objek material konkrit mereka, namun rujukan persepsi mereka, iaitu asas material adalah sama. Sehubungan dengan ini idea Liu Mi Qing (1999) tentang isomorf (*isomorph*) berkaitan. Menurutnya ia merujuk pada struktur pemikiran asas antara manusia yang membolehkan perhubungan minda antara manusia berlaku. Tegasnya lagi, isomorf ialah syarat asas yang membenarkan pertukaran lambang bahasa serta komunikasi fikiran dan perasaan antara dua pengamal bahasa yang berlainan. Beliau menegaskan oleh sebab dunia luaran dua orang yang mengamalkan bahasa yang berlainan adalah sama, ditambah pula dengan struktur pemikiran isomorf yang membolehkan perhubungan minda berlaku, maka rangkaian pemindahan mesej dapat berfungsi sehingga menyebabkan boleh terjemah berlaku. Rajah 1.0 berikut menjelaskan keadaan isomorf ini:



Rajah 1.0: Isomof⁹(Dipetik daripada Liu Mi Qing, 1999:100) (Terjemahan saya)

Rajah 1.0 menunjukkan rangkaian fungsi isomof bahasa sumber yang sama dan sepadan dengan rangkaian fungsi isomof bahasa sasaran. Asas-asas material bagi kedua-dua bahasa tersebut juga berasal dari dunia luar yang sama. Keadaan ini telah mewujudkan satu rangkaian pemindahan mesej antara kedua-dua bahasa tersebut. Sesungguhnya konsep kebolehterjemahan wujud dalam dua bahasa yang berbeza.

Dalam rangkaian komunikasi antara bahasa yang membenarkan kebolehterjemahan, House (1973:166-167) beranggapan bahawa semua bahasa berfungsi sebagai sistem kreatif yang sama rata dibekalkan dengan kebolehan untuk menyatakan semua aspek hidup manusia pada bila-bila masa ia diperlukan.

Semua pengalaman kognitif dan klasifikasinya dapat disampaikan dalam mana-mana bahasa yang sedia ada. Apabila berlakunya kekurangan, terminologi dapat dibenarkan dan dihuraikan melalui kata pinjaman atau terjemahan pinjaman, neologisme atau peranjakan semantik dan akhir sekali dengan bahasa yang berbelit-belit.¹⁰

(Jakobson, 1966:234, dalam House, 1973:167)
(Terjemahan saya)

Walau bagaimanapun, kebolehterjemahan itu bukanlah mutlak.

Kebolehterjemahan itu ada batasannya (Liu Mi Qing, 1999:104). Menurut Newmark (1988:94):

... apabila sesuatu komuniti pertuturan memfokus perhatiannya pada suatu topik yang tertentu (keadaan ini dinamai 'fokus budaya'), keadaan ini akan mewujudkan perkataan yang terlalu banyak untuk menandakan keistimewaan bahasa atau terminologinya....[....]
Pada lazimnya, apabila adanya fokus budaya, ada saja masalah penterjemahan ekoran adanya 'jurang' atau 'jarak' budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.¹¹

(Terjemahan saya)

Setiap bangsa ada keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Perbezaan warna kulit dan nilai budaya membawa kepada ketakbolehterjemahan antara bahasa (Jing Hui Kang, 2002:333). Oleh itu, "...penterjemahan perlu mengambil kira prinsip keperluan berlakunya pengorbanan, iaitu bukannya semua adalah boleh terjemah."¹² (Baker, 1998: 274). Contohnya, dua belas binatang zodiak, iaitu 鼠 *shu* 'tikus', 牛 *niu* 'lembu', 虎 *hu* 'harimau', 兔 *tu* 'arnab', 龙 *long* 'naga', 蛇 *she* 'ular', 马 *ma* 'kuda', 羊 *yang* 'kambing', 猴 *hou* 'monyet', 鸡 *ji* 'ayam', 狗 *gou* 'anjing', dan 猪 *zhu* 'khinzir' yang diamalkan oleh orang Cina untuk menunjukkan tahun kelahiran tidak wujud sama sekali dalam budaya orang Melayu dan sosiolinguistik BM. Orang Cina mempercayai bahawa seseorang yang dilahirkan dalam tahun tertentu, dia akan mempunyai ciri-ciri tertentu yang berkait rapat dengan lambang binatang tahun kelahirannya. Keadaan sedemikian tidak berlaku sama sekali dalam budaya Melayu dan sosiolinguistik masyarakat BM. Malahan, ada sesetengah binatang tersebut seperti khinzir dan anjing mendukung konotasi negatif dalam budaya orang Melayu dan sosiolinguistik BM.

Menurut House (2000:71-73), *weltanschauung* atau pandangan dunia sesuatu bahasa dikatakan berlainan bagi dua bahasa. Tambahnya lagi,

penutur bahasa yang berlainan mempunyai konsepsi yang berlainan terhadap dunia. Beliau menegaskan juga bahawa perbezaan kognitif dalam kalangan anggota komuniti bahasa yang berlainan akan mengakibatkan timbulnya konsep yang berbeza dan tidak boleh diterima bagi rujukan yang sama dalam fikiran mereka. Oleh itu, ditegaskan bahawa ketakbolehterjemahan sememangnya berlaku dalam dua bahasa yang berlainan (House, 2000:71-73). Sehubungan dengan ini, menurut *New Century Dictionary of Chinese Language & Culture* (2001:157), warna merah dalam budaya orang Cina lebih merujuk kepada perkara-perkara yang menggembirakan seperti perkahwinan, majlis keramaian dan sambutan Tahun Baru Cina. Warna merah ini juga melambangkan tuah, kebahagiaan dan kemakmuran. Sebab itulah keluarga Cina konservatif mahukan anak cucu mereka memakai pakaian berwarna merah ketika menyambut Tahun Baru Cina. Menurut Asmah (1993:165), warna merah dalam budaya orang Melayu Kedah pula lebih melambangkan hal-hal yang baik dalam hidup seperti perkahwinan. Warna putih yang dilambangkan sebagai tanda baik dalam budaya BM orang Kedah (Asmah:1993:164) dianggap sebagai tanda kesedihan dalam budaya BMn (*New Century Dictionary of Chinese Language & Culture*, 2001:157). Orang-orang Cina hanya menggunakan warna putih untuk melambangkan kematian dan kecelakaan. Bagi kedua-dua warna merah dan putih, walaupun kedua-dua warna ini mempunyai rupa bentuk yang sama, namun konsepsinya berbeza mengikut pandangan pengamal bahasa tersebut.

Menurut Venuti (2002:7),

Proses penjelmaan teks asing selalunya tidak dapat dibentuk semula kerana setiap bahasa menjelmakan sesuatu dengan cara yang berlainan. Penterjemahan selalunya mengakibatkan kehilangan pelbagai peringkat dalam teks asing tersebut: seperti kehilangan bentuk dan makna, sintaksis dan leksikon, bunyi dan pola irama, gambaran dan interteks."¹³

(Terjemahan saya)

Hal ini bermakna ketakbolehterjemahan berlaku apabila sesuatu yang diungkapkan dalam bahasa sumber tidak wujud dalam dunia bahasa sasaran. Ketiadaan padanan terus dalam bahasa sasaran bagi kata-kata yang wujud dalam teks sumber juga dikesan oleh Baker (1992:20). Contohnya, 武艺 *wu yi* 'seni mempertahankan diri tradisional orang Cina yang merangkumi cara pukulan dengan buku lima dan cara menggunakan alat senjata', 正果 *zheng guo* 'tahap pencapaian tertinggi dalam pertapaan mengikut ajaran Buddha', 三宝 *san bao* 'merangkumi Buddha, ajaran Buddha dan penyebar ajaran Buddha', 江湖 *jiang hu* 'merujuk kepada seluruh pelusok dalam negara', 麒麟 *qi lin* 'sejenis binatang yang rupa bentuknya menyamai rusa, kepalanya ada tanduk, seluruh badannya bersisik dan melambangkan keharmonian' dalam BMn yang penuh dengan konsep kebudayaan masyarakat orang Cina sememangnya tidak ada padanannya dalam budaya BM dan penggunaan sociolinguistik BM. Bagi beliau, terdapat beberapa banyak keadaan yang membawa kepada ketiadaan padanan pada peringkat kata. Keadaan-keadaan tersebut adalah seperti dalam (2) berikut:

- (2) a. Apabila teks bahasa sumber memperkatakan konsep-konsep budaya yang langsung tidak diketahui dalam bahasa sasaran;
- b. Konsep yang wujud dalam bahasa sumber tidak ada kata dalam bahasa sasaran untuk menamainya;
- c. Satu-satu kata dalam bahasa sumber sarat dengan makna dan perlukan banyak kata untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran;

- d. Bahasa sumber dan bahasa sasaran membuat perbezaan makna yang berlainan bagi satu-satu perkataan dalam erti kata perbezaan makna yang dipentingkan dalam bahasa sumber mungkin dipentingkan dalam bahasa sasaran atau sebaliknya;
- e. Bahasa sumber mempunyai kata umum dan superordinat tetapi ini tidak wujud dalam bahasa sasaran;
- f. Bahasa sumber mempunyai kata khusus atau hiponim merujuk sesuatu tetapi bahasa sasaran ketiadaan unsur ini;
- g. Bahasa sumber memerlukan jarak fizikal atau kedudukan seseorang diketahui sebelum dapat menyatakan sesuatu tetapi ciri ini tidak wujud dalam bahasa sasaran atau sebaliknya;
- h. Terdapat kata padanan dalam bahasa sasaran yang mempunyai maksud yang sama tetapi memberikan kesan makna yang berlainan dan kelainan ini mungkin sedikit sahaja atau mungkin ketara sehingga mendatangkan masalah terjemahan dalam konteks keperihaln keadaan berkenaan;
- i. Kelainan bentuk antara bahasa sumber dan bahasa sasaran seperti imbuhan dalam bahasa Inggeris, yang digunakan secara kreatif untuk membentuk perkataan baru mendatangkan masalah apabila diterjemahkan ke dalam bahasa yang kurang menggunakan imbuhan dengan cara yang sama;
- j. kekerapan dan tujuan menggunakan sesuatu kata ini berlainan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Walaupun kata yang terbabit itu mungkin kata padanan dalam bahasa sasaran, tetapi kekerapan dan tujuan kata itu digunakan dalam bahasa sasaran tidak

sama dengan kata yang sama dalam teks sumber. Hal ini membawa implikasi stail atau gaya yang tidak bersahaja atau sejadi dalam teks yang diterjemahkan;

- k. teks bahasa sumber menggunakan kata pinjaman yang bertujuan menambahkan prestij dalam teks asal tetapi kesan ini hilang dalam teks terjemahan akibat tidak mendapat kata padanan atau kaa pinjaman yang dapat memberikan maksud yang sama. (Baker, 1992:21)

Kerja-kerja menterjemah menjadi mustahil apabila fungsi sesuatu situasi dalam makna konteks teks sumber gagal dicari padanannya dalam bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana kewujudan padanan terjemahan hanya berlaku apabila bahasa sumber dan bahasa sasaran masing-masing mempunyai ciri-ciri dalam situasi yang fungsinya adalah relevan (Catford, 1965:94).

Oleh itu, kesukaran penterjemahan timbul apabila penterjemah gagal mendapat padanan bagi sesuatu objek atau ungkapan yang langsung tidak wujud dalam budaya dan amalan sociolinguistik bahasa sasaran. Keadaan ini jelas diperkatakan oleh Larson (1984:163) seperti berikut:

Salah satu masalah yang paling rumit yang ditemui oleh seorang penterjemah ialah cara mendapatkan padanan kata bagi objek dan peristiwa yang tidak dikenali dalam budaya penerima. Oleh itu, tidak terdapat kata atau frasa dalam bahasa penerima yang mudah diperoleh bagi penterjemahan.¹⁴ (Terjemahan saya)

Tambah beliau lagi (Larson, 1984:166):

Fungsi bagi sesuatu benda atau peristiwa selalunya bersifat unik dari segi budayanya dan tidak dikenali oleh orang lain.¹⁵ (Terjemahan saya)

Terdapat dua jenis ketakbolehterjemahan, iaitu ketakbolehterjemahan linguistik dan ketakbolehterjemahan budaya. Ketakbolehterjemahan linguistik berlaku apabila ciri-ciri formal dalam teks bahasa sumber tidak dapat

dipadankan dengan ciri-ciri formal yang sama fungsinya dalam teks bahasa sasaran. Keadaan ini wujud dalam bentuk ketaksaan, polisemi dan oligosemi. Ketakbolehterjemahan aspek budaya berlaku apabila ciri-ciri situasi dalam teks bahasa sumber tidak dapat dicari padanannya yang sama fungsi dalam konteks budaya bahasa sasaran. Ketakbolehterjemahan budaya sama ertinya dengan ketakbolehterjemahan kolokasi; iaitu ketidakmungkinan untuk mendapatkan padanan kolokasi dalam bahasa sasaran. Menurut Catford (1965:101), ketakbolehterjemahan kolokasi ini bermakna:

Ketakbolehterjemahan wujud akibat kenyataan bahawa sebarang padanan dekat yang mungkin bagi sesuatu leksikal dalam bahasa sasaran yang diberikan mempunyai kemungkinan kolokasi yang rendah dengan butiran dalam bahasa sumber yang biasanya dikolokasikan dengan butiran yang diberikan dalam bahasa sumber.¹⁶
(Terjemahan saya)

Tambahan pula, Edward Sapir (1884-1939) dan Benjamin Lee Whorf (1897-1941) telah mendakwa bahawa bahasa mengongkong pemikiran seseorang; yakni bahasa seseorang itu mencorakkan pengamatan terhadap pandangan dunia seseorang (*weltanschauung*). Menurut Whorf (1964:252):

...bentuk pemikiran seseorang dikawal oleh peraturan-peraturan corak ketat yang tidak disedarinya.¹⁷ (Terjemahan saya)

Bahasa yang berbeza menggambarkan dunia yang berlainan. Oleh itu, tidak ada dua bahasa yang sepadan, yang dapat menggambarkan satu pandangan dunia (*weltanschauung*) yang sama.

Tidak pernah ada dua bahasa yang kesepadanannya memadai untuk dikatakan sebagai mewakili realiti masyarakat yang sama. Dunia yang didiami oleh masyarakat yang berlainan merupakan dunia yang berbeza....¹⁸
(Sapir, 1929:209, dalam Sampson, 1980:83) (Terjemahan saya)

Dengan ini, pengkaji mengandaikan bahawa aspek-aspek budaya dalam BMn sememangnya mengalami masalah kebolehterjemahan ke dalam BM.

Fenomena ini menjadi justifikasi dalam kajian ini. Ia cuba digarap setakat mana kebolehterjemahan aspek-aspek budaya dalam terjemahan BMn-BM

serta pendekatan-pendekatan yang dapat diambil untuk menanggapi fenomena tersebut.

Unsur budaya merupakan aspek yang amat penting dalam kerja-kerja menterjemah. Tentang ini Bassnett dan Lefevere (1998:7) mendakwa bahawa:

Budaya membawa kepada berbagai-bagai permintaan terhadap terjemahan....¹⁹ (Terjemahan saya)

Venuti (2002:6) juga menganggap penterjemahan merupakan satu amalan budaya. Oleh itu, penterjemahan dikatakan sebagai satu proses yang berpotensi membenarkan pertukaran budaya dan kerja import-eksport nilai-nilai bahan budaya serta pengaruh budaya.²⁰ Hal ini bermakna penterjemahan sebenarnya merupakan interaksi antara dua budaya yang berbeza dan seterusnya menggalakkan persefahaman antara budaya. Sebab itulah Bao Hui Nan (2004: 9) menyatakan bahawa "...misi asal terjemahan bahasa ialah penyebaran dan komunikasi antara budaya."²¹ (Terjemahan saya)

Sehubungan dengan ini, Aziz (1982:25) menegaskan, "...menterjemah bukan sekadar satu proses linguistik, ia juga melibatkan budaya....Perbezaan budaya selalunya mengenakan kesukaran yang lebih daripada perbezaan linguistik kepada seseorang penterjemah."²² Seterusnya, menurut Aixela (1996:56), "Sesungguhnya telah menjadi satu kenyataan bahawa dalam mana-mana kes dan bila-bila masa, terjemahan yang menggabungkan dua atau lebih budaya melibatkan keseimbangan kuasa yang tidak stabil...."²³ (Terjemahan saya) Tambahan pula, menurut Bassnett (1980:34), "...ketakbolehterjemahan budaya hendaklah terlibat secara *de facto* dalam semua proses penterjemahan."²⁴ (Terjemahan saya)

Berdasarkan pandangan para sarjana terjemahan di atas, pengkaji bercadang untuk meneliti kebolehterjemahan aspek-aspek budaya dalam penterjemahan.

水浒专 *Shui Hu Zhuan* atau terjemahannya, Hikayat Pinggir Air telah dijadikan korpus kajian ini. Menurut Nigel (1994:35):

Kesusasteraan merupakan salah satu artifak yang lebih kepada membezakan serta melambangkan sesuatu budaya daripada menjadi pernyataan eksklusif sesuatu budaya.²⁵ (Terjemahan saya)

Tambah beliau lagi (1994:34):

...penterjemah sastera bertindak sebagai perantara kebudayaan....²⁶ (Terjemahan saya)

Kedua-dua pernyataan Nigel di atas menjadi justifikasi dalam penentuan pemilihan teks sastera sebagai korpus kajian.

Tambahan pula, penterjemah karya ini beranggapan bahawa:

Untuk menterjemahkan hikayat ini tentulah melibatkan banyak masalah, terutamanya yang berkaitan dengan kebudayaan, bahasa, serta perkemabangan cerita yang bersangkut paut dengan hierarki pemerintah, penggunaan senjata api, amalan agama, budaya, pakaian, majlis perayaan dan sebagainya. (Lim Chuan Boon, ed. (2001:xiii))

Ternyata karya ini banyak mengandungi aspek budaya yang dapat dijadikan data kajian ini.

Dent-Young (2001:249) yang telah menjalankan terjemahan hikayat ini daripada BMn kepada bahasa Inggeris turut mendakwa bahawa masalah budaya dan latar belakang sosial merupakan masalah yang terang-terang sukar diselesaikan dalam penterjemahan hikayat 水浒专 *Shui Hu Zhuan*. Beliau (2001:251) mengatakan bahawa:

Perkara yang tidak dapat dielakkan dalam penterjemahan ialah perkataan-perkataan yang menimbulkan masalah kerana perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada objek atau sistem yang tidak wujud dalam budaya bahasa sasaran. Masalah tipikal dalam *Shui Hu Zhuan* ialah perkataan-perkataan yang berkaitan dengan kerajaan dan pentadbiran, pekerjaan, kehidupan dalam negeri, persekitaran semula jadi dan sebagainya.²⁷ (Terjemahan saya)

Ternyata bahawa masalah budaya telah banyak mempengaruhi penghasilan terjemahan hikayat ini. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk menjadikan terjemahan hikayat ini sebagai korpus kajian yang bertunjangkan skop kajian ke atas kebolehterjemahan aspek budaya.

1.1 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan seperti dalam (3a-c) berikut:

- (3) a. meneliti kebolehterjemahan aspek-aspek budaya dalam terjemahan BMn-BM;
- b. meneliti strategi-strategi penterjemahan dalam menangani masalah kebolehterjemahan aspek-aspek budaya dalam penterjemahan BMn-BM;
- c. membandingkan pandangan kebolehterjemahan penilai kedua, pengkaji dan penterjemah.

1.2 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan kajian yang berikut dalam (4a-c) akan digunakan untuk mencapai tujuan kajian dalam 1.1:

- (4) a. Apakah aspek-aspek budaya dalam BMn yang dapat/ tidak dapat diterjemahkan ke dalam BM dan implikasinya terhadap penyampaian unsur-unsur budaya dalam teks sasaran?
- b. Apakah strategi-strategi penterjemahan yang digunakan untuk menangani aspek-aspek budaya dalam terjemahan BMn-BM?

- c. Apakah corak kesamaan dan perbezaan tentang kebolehterjemahan aspek budaya dalam terjemahan BMn-BM antara pengkaji, penilai kedua dan penterjemah?

1.3 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini mungkin akan dapat memberi manfaat kepada pengamal-pengamal penterjemahan. Secara khususnya kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat seperti dalam (5a-d) berikut:

- (5)
 - a. membuktikan setakat mana kebolehterjemahan aspek-aspek budaya dalam terjemahan BMn-BM;
 - b. memberi garis panduan tentang strategi-strategi dalam menangani penterjemahan aspek-aspek budaya terjemahan BMn-BM;
 - c. menjadi sumber rujukan akademik bagi pengajian terjemahan terutamanya dalam penterjemahan BMn-BM yang masih berkurangan dalam dunia penterjemahan;
 - d. memberi kepastian tentang kemampuan teori-teori terjemahan, teori makna dan teori sosiolinguistik yang digunakan untuk menangani teks BMn ke dalam BM.

1.4 Kerangka Teori

Kajian ini akan memanfaatkan kerangka teori Newmark (1988, 1991) dalam aspek-aspek (6a-e) berikut:

- (6)
 - a. Penterjemahan;
 - b. Strategi penterjemahan;
 - c. Definisi budaya;